

DATE: 22/03/2000

Institusi agama perlu bertemu Majlis Raja-Raja

Oleh SITI
HANIZA ABDUL RAHMAN

KUALA LUMPUR 21 Mac - Institusi — institusi agama perlu mengadakan pertemuan dengan Majlis Raja-Raja bagi menyelesaikan perbalahan isu agama yang dipolitikkan hingga membawa kepada perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini.

Pertemuan di antara institusi tersebut seperti Majlis Agama Islam negeri dengan raja-raja Melayu merupakan forum terbaik membincangkan punca yang menyebabkan timbulnya persengketaan masyarakat-Islam pada masa ini.

Pensyarah di Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Dr. Lukman Thaib** berka-

ta, kerjasama antara kedua-dua pihak itu penting bagi mengatasi permasalahan perpecahan umat dengan segera.

“Apa saja faktor yang menyumbang kepada perpecahan itu perlu diperbincangkan oleh pihak terbabit supaya dapat difahami masalah sebenar dalam usaha membantu untuk menyatupadukan semula masyarakat Islam.

“Ini kerana elemen agama telah dipergunakan oleh parti-parti politik untuk meraih simpati para pengundi masing-masing dan menyebabkan perbalahan sesama umat Islam pada masa ini,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas saranan Imam Besar Masjid Putra, Putrajaya, **Tan Sri Abdul Kader Talip** supaya raja-

raja Melayu bersuara serta menggunakan kuasa mereka sebagai ketua agama untuk menyatukan kembali umat Islam yang bertentangan pendapat akibat perbezaan fahaman politik negara ini.

Diterajui

Dr. Lukman menambah, isu agama merupakan perkara yang sensitif dan pertemuan di antara majlis agama negeri serta raja-raja Melayu diharap dapat mencapai langkah-langkah konkrit dalam mengatasi perpecahan di kalangan umat Islam.

Beliau turut melahirkan harapannya supaya Persidangan Majlis Raja-Raja yang akan bersidang esok membincangkan isu perpecahan umat Islam yang berpunca daripada perbezaan fahaman politik itu.

Menurutnya, persidangan tersebut merupakan satu-satunya platform yang dapat digunakan oleh raja-raja Melayu termasuk wakil kerajaan yang diterajui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi membincangkan pertikaian fahaman agama itu.

Jelasnya, isu itu perlu diketengahkan kepada penganut raja-raja dan memandangkan Dr. Mahathir ialah ahli kuorum dalam persidangan tersebut, beliau merupakan orang yang paling hampir dengan rakyat dan arif tentang hal ehwal negara dan agama.

Dalam pada itu, pakar perundangan, **Salleh Buang** berkata, Persidangan Majlis Raja-Raja yang membincangkan soal kemuliaan dan kedudukan termasuk kenegaraan sepatut-

nya memberi penekanan dalam isu bersangkutan perpecahan umat Islam akibat perbezaan fahaman agama.

“Majlis Raja-Raja perlu memanfaatkan kedudukan mereka untuk menyatupadukan umat Islam,” katanya.

Justeru dalam konteks ini beliau berkata Perdana Menteri perlu ‘melobi’ Yang di-Pertuan Agong yang merupakan hierarki tertinggi dalam raja-raja Melayu untuk mengatasi kemelut yang melanda umat Islam masa kini.

Beliau sependapat institusi-institusi agama perlu mengadakan pertemuan dengan Majlis Raja-Raja bagi menyelesaikan perbalahan isu agama yang dipolitikkan hingga membawa kepada perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini.